



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh
MELAKA



Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201
Laman Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD. 6(13)
Tarikh : 5 Ogos 2026
Bersamaan : 21 Safar 1448H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL.72/2026/O : PEMANTAUAN PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (FRN/ GRN) YANG MASIH BELUM DISEMPURNAKAN BAYARAN SEHINGGA BULAN JULAI 2026

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa semakan Jabatan ini mendapati Pesanan Kerajaan yang telah dibuat penerimaan bekalan/ perkhidmatan, masih belum dibuat pembayaran oleh PTJ tuan sehingga **31 Julai 2026** seperti di **Lampiran A**. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a), Ketua Jabatan hendaklah memastikan **bil di bayar dengan segera** tidak lewat dari **14 hari** dari tarikh dokumen diterima dengan lengkap dan sempurna.

3. Sehubungan itu, pihak tuan diminta untuk menyemak **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan & Perkhidmatan)** yang boleh Dijana melalui Modul Perolehan Sistem iGFMS untuk melihat status terkini Pesanan Kerajaan yang terlibat. Pembayaran hendaklah dibuat dengan kadar segera sekiranya penerimaan bekalan/ perkhidmatan telah disempurnakan dan dokumen lengkap diterima. Peraturan semasa yang masih berkuatkuasa juga hendaklah dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menandatangani amanah,

(AIDAH BINTI MOHD ISA C.A (M))
Penolong Pengarah Kanan (O)
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Melaka